

## BRUNEI SETELAH MENERIMA AGAMA ISLAM

*Dato Paduka Awang Haji Muhammad bin Abdul Latif  
Awang Haji Zainuddin bin Haji Hassan*

### Kedatangan Agama Islam di Brunei

Agama Islam ialah agama yang diturunkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala kepada Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi wa Sallam. Segala ajaran Islam terkandung di dalam Al-Quran yang diwahyukan kepada Baginda melalui Malaikat Jibril 'Alaihissalam.

Agama Islam ialah agama terakhir yang benar, lurus dan lengkap serta dipelihara daripada sebarang perubahan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala sehingga hari kiamat. Manakala agama-agama yang diturunkan sebelum kedatangan Agama Islam telah mengalami perubahan ataupun telah hilang sama sekali.

Antara isi kandungan ajaran Agama Islam itu, ialah menyeru manusia kepada kesejahteraan, keamanan, perdamaian dan persaudaraan. Ajaran ini juga membentuk jiwa dan akhlak manusia ke arah kebaikan dan kebenaran, menjauhi kejahatan dan kemungkaran untuk mendapat kesempurnaan, kebahagiaan dan kemuliaan hidup di dunia dan di akhirat.

Agama Islam mula diajarkan di Makkah Al-Mukarramah dan kemudian dikembangkan di Madinah Al-Munawwarah. Setelah itu, Agama Islam tersebar ke seluruh tanah Arab hingga ke Benua Eropah, Benua Afrika, Benua Asia dan negeri-negeri lain di Kepulauan Alam Melayu.

Di Brunei, Agama Islam dibawa masuk oleh peniaga-peniaga atau pedagang-pedagang berbangsa Arab. Mereka ialah ahli pelayaran yang mahir yang mengetahui perjalanan laut di Kepulauan Alam Melayu.

Agama Islam juga dibawa masuk ke Brunei oleh mubaligh-mubaligh Islam yang kerjanya khusus untuk berdakwah dan mengajar Agama Islam kepada penduduk tempatan.

Menurut sejarah China, Agama Islam sudah ada di Brunei pada TM 977. Seorang ahli perniagaan China berbangsa Arab bernama Fairuz Shah (P'u-lu-sheh) dari China telah datang bermiaga di pelabuhan Brunei.

Selain Fairuz Shah terdapat juga tiga orang ahli perniagaan berbangsa Arab datang bermiaga di Brunei waktu itu. Mereka ialah Abu Ali, Syeikh Noh dan Qadi Kasim. Mereka singgah di Brunei dalam perjalanan mereka ke China untuk bermiaga.

Sebagai seorang Islam, ketika berjual beli dengan penduduk tempatan, mereka telah mengambil kesempatan berdakwah untuk menerangkan ajaran Agama Islam dan kebaikannya. Setelah mendengar penerangan tersebut, mungkin ada di antara penduduk tempatan itu telah tertarik hati kepada Agama Islam, dan secara diam-diam telah memeluk Agama Islam. Menerusi jalan ini bermakna pada waktu itu Agama Islam sudah ada di Brunei, dianut oleh penduduk tempatan secara bersembunyi-sembunyi.

Disebutkan juga dalam sejarah China pada TM 1247, seorang pegawai China beragama Islam dari Chuan-Chou, bernama P'u-Zhong-Min (Tuan Pu) bersama anaknya Yin-Chia telah datang ke Brunei. Ketika di Brunei, beliau telah jatuh sakit lalu meninggal dunia. Jenazahnya telah dikebumikan di Brunei.

Selepas P'u-Zhong-Min meninggal dunia, Yin-Chia anak P'u-Zhong-Min balik ke China. Kira-kira 17 tahun kemudian Yin-Chia datang lagi ke Brunei. Dia membawa batu nisan yang ditempahnya di China untuk kubur ayahnya Fu-Zhong-Min.

Batu nisan P'u-Zhong-Min bertarikh TM 1264 ini masih ada di Tanah Perkuburan Orang Islam Rangas, Bandar Seri Begawan. Tapak asal batu nisan ini terletak di Kota Batu, Bandar Seri Begawan.

Penemuan batu nisan ini menunjukkan Agama Islam itu sudah ada di Brunei sebelum TM 1264.

### Perkembangan Agama Islam di Brunei

Sungguhpun Agama Islam sudah ada di Brunei sekitar TM 977, tetapi secara rasminya Agama Islam baru berkembang selepas TM 1370, iaitu setelah

Sultan Muhammad Shah memeluk Agama Islam di Johor atau Singapura Tua (Temasik) sekitar TM 1368–1370.

*Salasilah Raja-Raja Brunei* menyebutkan apabila Sultan Negeri Johor atau juga dikenali sebagai Singapura Tua (Temasik) yang bernama Sultan Iskandar mengetahui di Brunei ada seorang raja bernama Awang Alak Betatar. Maka ia pun dipanggil ke Johor bersama adindanya Pateh Berbai.

Di Johor, Awang Alak Betatar pun diislamkan oleh Sultan Iskandar, dinamai Sultan Muhammad Shah. Orang China menggelar nama baginda Mahamosa. Bagindalah yang membawa Agama Islam ke Brunei mengikut syariat Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi wa Sallam.

Sultan Muhammad Shah memeluk Agama Islam bersama-sama dengan adinda baginda iaitu Pateh Berbai. Pateh Berbai ini telah digelar oleh Sultan Johor sebagai Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara, iaitu Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara yang pertama di Brunei.

Setelah Sultan Muhammad Shah sempurna diislamkan, baginda pun dikahwinkan oleh Sultan Iskandar dengan puteri baginda bernama Puteri Pingai. Sebagai tanda kasih sayang dan sempena pengislaman serta perkahwinan itu, Sultan Muhammad Shah telah dianugerahi oleh Sultan Iskandar:

Pertama, warisan pusaka Nobat Nekara dan Ganta Alamat dari Minangkabau (Negeri Andalas).

Kedua, lima buah wilayah, iaitu Kalaka, Seribas, Semarahan, Kuching dan Mukah.

Beberapa lama diam di Johor, Sultan Muhammad Shah pun berangkat membawa permaisuri baginda, Puteri Pingai balik ke Brunei. Menurut cerita orang tua-tua, Puteri Pingai ini mempunyai seekor burung yang pandai bercakap. Nama burung Puteri Pingai inilah yang digunakan oleh orang tua-tua menamakan Kampong Burong Pingai yang ada sekarang.

### Cara Agama Islam Masuk ke Brunei

Sejak pelabuhan Brunei terkenal kepada ahli-ahli pelayaran dan ahli-ahli perniagaan yang berulang-alik di antara China dengan India, ramailah ahli-ahli pelayaran dan ahli-ahli perniagaan itu singgah berminggu di Brunei.

Mereka ini ada yang datang dari negeri Arab, India dan China. Ada juga yang datang daripada negeri-negeri jiran seperti dari Jawa, Sumatera,

Palembang, Aceh, Minangkabau, Batak, Manila, Suluk, Mindanao, Kelantan, Pahang, Terengganu, Melaka, Singapura dan lain-lain.

Antara ahli-ahli pelayaran dan ahli-ahli perniagaan Arab yang datang berminggu di pelabuhan Brunei ini, ada yang beragama Islam seperti Abu Ali, Syeikh Noh dan Qadi Kasim. Pada TM 977, mereka ini telah digunakan oleh Raja Brunei menjadi utusan baginda mengadap Maharaja China.

Pada masa peniaga-peniaga Islam ini berjaya berminggu di pasar Brunei, mereka secara sembunyi-sembunyi telah berdakwah mengajarkan Agama Islam kepada penduduk-penduduk tempatan. Ketika itu ada penduduk tempatan yang tertarik hati kepada Agama Islam dan telah memeluk Agama Islam secara diam-diam.

Setelah Sultan Muhammad Shah memeluk Agama Islam pada sekitar TM 1368–1370, barulah Agama Islam rasmi di Brunei. Sejak itu Agama Islam pun diajarkan secara terang-terangan kepada penduduk tempatan.

Selain ahli-ahli perniagaan, terdapat juga orang-orang Arab yang kerjanya khusus untuk berdakwah, disebut mubaligh Islam. Mereka ini terdiri daripada guru-guru atau ulama-ulama Islam yang digelar Sayid atau Sharif keturunan Nabi Muhammad Sallallhu ‘Alaihi wa Sallam seperti Sharif Ali, Syed Ali Ba-Faqih, Sharif Alwi (Raja Junjungan) dan Syeikh Adam.

Setelah ahli-ahli perniagaan dan para mubaligh Islam ini lama diam di Brunei, ada di antara mereka itu telah berkahwin dengan wanita-wanita tempatan. Melalui perkahwinan ini memudahkan lagi kerja-kerja mereka untuk menyebarkan Agama Islam kepada ahli-ahli keluarga dan jiran tetangga yang berdekatan.

### Peranan Mubaligh Islam di Brunei

Mubaligh Islam ialah orang yang mengembangkan Agama Islam. Mereka terdiri daripada guru-guru dan alim ulama yang mempunyai pengetahuan yang luas dalam hal-hal Agama Islam. Sifatnya amanah, jujur, sabar, bertakwa, dan mempunyai akhlak yang baik.

Pada zaman dahulu kebanyakan mubaligh Islam itu ialah ahli-ahli perniagaan berbangsa Arab. Ada juga yang berbangsa Farsi dan berbangsa Afrika seperti dari Habsah. Mereka ini mengembara dari satu tempat ke satu tempat atau dari sebuah negeri ke sebuah negeri untuk mengembangkan Agama Islam. Kadang-kadang mereka ini ialah ahli perniagaan. Sambil berminggu,

mereka menyampaikan seruan kalimah ‘Laillaha Ilallah, Muhammada Rasullullah’ kepada penduduk tempatan yang mereka singgahi.

Mubaligh-mubaligh Islam yang datang ke Kepulauan Alam Melayu ini kebanyakannya berasal daripada keturunan Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi wa Sallam menerusi Sayidina Hasan dan Sayidina Husain. Mereka terkenal dengan gelaran ‘Sayid’ atau ‘Sharif’.

Di Brunei, mubaligh Islam sudah ada sejak TM 977. Mereka adalah pedagang-pedagang berbangsa Arab yang singgah berniaga di pelabuhan Brunei. Mereka itu antara lain ialah Abu Ali, Syeikh Noh dan Qadi Kasim.

Pada masa mereka berjual beli dengan penduduk tempatan, mereka telah mengambil kesempatan mengajarkan Agama Islam secara diam-diam kepada penduduk tempatan. Setelah penduduk tempatan mengetahui mengenai kebaikan Agama Islam yang disampaikan oleh mubaligh itu, ada di antara penduduk tempatan itu tertarik hati kepada Agama Islam. Maka mereka pun secara diam-diam memeluk Agama Islam.

Ini bererti pada TM 977 itu, penduduk Brunei secara sembuni-sembunyi sudah ada yang telah beragama Islam trutama erek-erek yang diam di sekitar pelabuhan Brunei.

Setelah Sultan Muhammad Shah memeluk Agama Islam pada sekitar TM 1368–1370, baharulah Agama Islam itu disebarluaskan secara terang-terangan. Ketika itu mubaligh-mubaligh Islam pun tidak lagi takut-takut untuk menyampaikan syiar Islam itu secara terbuka. Mereka itu antara lain ialah Sharif Ali, Syed Ali Ba-Faqih (Syed Mufaqih), Syed Hasan Al-Hadad, Sharif Alwi (Raja Junjungan), Syeikh Adam, Sulaiman bin Abdul Rahman dan lain-lain.

Apabila mubaligh-mubaligh yang disebutkan itu merasa aman dan selesa hidup di Brunei, ada di antaranya yang berkahwin dengan wanita-wanita tempatan, dan terus menetap di Brunei. Dengan cara ini kerja-kerja mereka mengembangkan Agama Islam menjadi lebih mudah. Ramailah ahli keluarga dan jiran tetangga memeluk Agama Islam.

### **Bukti Awal Kedatangan Agama Islam di Brunei**

Ada tiga cara yang boleh digunakan untuk menerangkan tentang kedatangan awal Agama Islam di Brunei, iaitu:

Pertama, ia boleh diketahui daripada laporan-laporan atau buku-buku yang meriwayatkan mengenai kedatangan Agama Islam di Brunei.

Kedua, ia boleh diketahui melalui batu-batu nisan lama orang-orang Islam. Sebab di batu nisan itu tertulis maklumat-maklumat mengenai pemiliknya seperti nama orang yang meninggal, tarikh meninggal dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Ketiga, ia boleh juga diketahui menerusi wang-wang syiling lama dan tembikar-tembikar yang didapati di Brunei.

Penemuan batu nisan P’u-Zhong-Min atau Tuan P’u bertarikh TM 1264, di Tanah Perkuburan Islam Rangas, Bandar Seri Begawan telah menguatkan lagi bukti mengenai kedatangan Agama Islam di Brunei.

P’u-Zhong-Min ialah seorang pegawai China beragama Islam dari Daerah Chuan-chow. Beliau dan anaknya bernama Yin-Chia datang ke Brunei kerana diutus oleh Maharaja China. Ketika di Brunei beliau telah meninggal dunia dan dikebumikan di Brunei.

Dalam sejarah Dinasti Ming (TM 1368–1644), iaitu pada zaman pemerintahan Maharaja Hong-wu (TM 1368–1398), pada TM 1370, Sin Tze melaporkan Raja Brunei ketika itu bernama ‘Mahamosa’, iaitu pelat orang China untuk menyebut Sultan Muhammad Shah. Jika Sultan Brunei waktu itu telah menggunakan nama Islam ‘Sultan Muhammad Shah’. Ini menunjukkan baginda telah memeluk Agama Islam.

Laporan Sin Tze ini diperkuat lagi oleh keterangan Datu Imam Yaakub dalam *Salasilah Raja-Raja Brunei* yang menyatakan, Sultan Muhammad Shah dan saudaranya Sultan Ahmad ialah yang pertama membawa Agama Islam ke Brunei.

Pada TM 1371, Sultan Muhammad Shah telah menghantar utusan ke China. Utusan itu diketuai oleh seorang pegawai bernama Ismail. Mereka membawa barang-barang pesambah dan surat bertulisan ‘Hui-ku’, iaitu sejenis tulisan jawi yang digunakan oleh orang-orang Islam keturunan Turki di China. Jika surat yang dikirim oleh Sultan Muhammad Shah itu menggunakan tulisan ‘Hui-ku’ (tulisan jawi), bermakna dalam TM 1371 itu Agama Islam telah berpengaruh di Brunei.

Sewaktu China di bawah pemerintahan Maharaja Yong-lo (TM 1403–1424), pada bulan Ogos 1408, Raja Brunei yang bernama ‘Manajekana’ iaitu

pelat orang China untuk menyebut Sultan Abdul Majid bersama-sama ahli keluarga baginda telah berangkat ke China. Tujuannya untuk menyampaikan ucapan terima kasih baginda kepada Maharaja China yang telah mengiktiraf kerajaan baginda menjadi kerajaan merdeka dan berdaulat.

Ketika di China, baginda dan rombongan seramai 150 orang telah diberikan menu khas oleh Maharaja China. Memandang kepada jenis makanan yang dibekalkan itu hanya menyenaraikan daging kambing, ayam, angsa, (tiada babi) beras, mihun, buah-buahan dan sayur-sayuran, menunjukkan Sultan Abdul Majid dan rombongan adalah terdiri daripada orang-orang Islam. Perkara ini boleh juga dijadikan bukti, Agama Islam telah lama berkembang di Brunei.

Batu-batu nisan lama kepunyaan Sulaiman Abdul Rahman (TM 1418), Rokayah binti Sultan Abdul Majid ibni Muhammad Shah Al-Sultan (TM 1422), Sultan Sharif Ali (TM 1432), Syeikh Adam (TM 1454), Sharif Hud (TM 1499) dan banyak lagi batu-batu nisan lama yang bertulis dengan kalimah-kalimah Allah dapat dijadikan bukti untuk menerangkan mengenai kedatangan Agama Islam itu ke Brunei.

Begitu juga wang-wang syiling lama dan tembikar-tembikar lama juga dapat dijadikan bahan bukti untuk menyatakan Agama Islam telah lama sampai di Brunei. Antara lain mata wang lama itu ada yang menggunakan perkataan ‘Al-Adil’. Ada juga yang menggunakan ‘Malikul Adil’.